

Bil. S 54

PERINTAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN TEMPAT KERJA, 2009

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN TEMPAT KERJA
(KESALAHAN BOLEH KOMPAUN), 2009

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Kesalahan boleh kompaun.
-

PERINTAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN TEMPAT KERJA, 2009

**PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN TEMPAT KERJA
(KESALAHAN BOLEH KOMPAUN), 2009**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 64(1) dari Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, 2009, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Kesalahan Boleh Kompaun), 2009 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, 2009.

Kesalahan boleh kompaun.

2. Sebarang kesalahan di bawah Perintah itu dan peraturan-peraturannya, kecuali bab-bab 21(7) dan 52, boleh dikompaun oleh Pesuruhjaya menurut bab 55(1) dari Perintah itu.

Diperbuat pada hari ini 4 haribulan Zulhijah, Tahun Hijrah 1430 bersamaan dengan 21 haribulan November, 2009.

**PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA
AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB
DATO SERI SETIA AWANG HAJI MOHD. YUSOF,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.**